

**TEKS UCAPAN REKTOR  
SEMPENA ANUGERAH DEKAN 2006**

**TEMPAT:  
AYER KEROH D'VILLAGE RESORT  
AYER KEROH MELAKA.**

**TARIKH :  
18 JANUARI 2006**

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH DEKAN 2006 PADA 18 JANUARI  
2006 BERTEMPAT DI AKDV, AYER KEROH JAM 2.30  
PETANG.**

SA DAN RASA JEMU ATAU KECERVA. SAYA  
MENYERU KEPADA MAHASISWAI SEKALIAN  
BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
SEM BERSUNGGUH SUNGGUH UNTUK MENCAPAI  
KECEMERLANGAN AKADEMIK PADA MASA AKAN  
Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH, TIMBALAN  
REKTOR (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA  
Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHD DIAH, TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &  
PENGKOMERSILAN/INOVASI)

HA MENINGKATKAN  
PRESTASI AKADEMIK PELAJAR DALAM SEMESTER I  
SESI PENGAJIAN 2005/2006 YANG LALU PADA  
Y. BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR ANUGERAH DEKAN  
BERBANDING PENCAPAIAN PADA SEMESTER 1  
SESI PENGAJIAN 2004/2005 YANG LALU IAITU  
PEGAWAI – PEGAWAI KANAN,

YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
DAN BARISON EXCO MPP,  
MEMBERANGSAMCAN  
DAN DIBAWAKAN PADA SEMESTER HADAPAN  
PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM  
SEJAHTERA.

KITA HARUS BERUSAHA DENGAN LEHH GIGIH,  
ALHAMDULILAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT  
ALLAH SWT KERANA DENGAN IZINNYA DAPAT KITA  
BERKUMPUL BERSAMA PADA PETANG INI BAGI  
MERAIKAN KECEMERLANGAN YANG TELAH DICAPAI  
OLEH PARA PELAJAR KUTKM DALAM PEPERIKSAAN  
AKHIR SEMESTER 1 SESI 2005 / 2006 YANG LALU.

PERTAMA SERAMAI 100 ORANG AKAN MENJADI  
PANDUAN KEPADA KUTKM UNTUK  
KEPADÀ PARA PENERIMA ANUGERAH DEKAN,  
SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KERANA TELAH  
BERJAYA MERAIH KEJAYAAN YANG CEMERLANG

INI. KEJAYAAN YANG SAUDARA DAN SAUDARI PEROLEHI HARI INI ADALAH BERKAT USAHA GIGIH, TEKUN DAN DEDIKASI TANPA MENGENAL ERTI PUTUS ASA DAN RASA JEMU ATAU KECEWA. SAYA MENYERU KEPADA MAHASISWA/I SEKALIAN SUPAYA DAPAT MENERUSKAN USAHAINI DENGAN LEBIH BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN AKADEMIK PADA MASA AKAN DATANG.

SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA SEMUA AHLI AKADEMIK DAN STAF KUTKM YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM USAHA MENINGKATKAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR DALAM SEMESTER 1 SESI PENGAJIAN 2005/2006 YANG LALU. PADA SEMESTER INI SERAMAI 385 ORANG PELAJAR TELAH BERJAYA MERAIH ANUGERAH DEKAN BERBANDING PENCAPAIAN PADA SEMESTER 1 SESI PENGAJIAN 2004/2005 YANG LALU IAITU

SERAMAI 180 PELAJAR. IANYA MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN YANG MEMBERANGSANGKAN DAN DIHARAPKAN PADA SEMESTER HADAPAN JUMLAH INI DAPAT DITINGKATKAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

KITA HARUS BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH, TEKUN DAN DEDIKASI BAGI MEREALISASIKAN MATLAMAT UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI TINGGI. VISI, MISI DAN AGENDA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI YANG MENSASARKAN SUPAYA IPTA – IPTA DAPAT MELAHIRKAN BILANGAN PEMEGANG IJAZAH KELAS PERTAMA SERAMAI 100 ORANG AKAN MENJADI PANDUAN KEPADA KUTKM UNTUK MENJADIKANNYA SEBAGAI SESUATU MISI YANG PERLU DICAPAI.

TANGGUNGJAWAB INI ADALAH SATU TUGAS YANG BUKAN MUDAH UNTUK DILAKSANAKAN. UNTUK ITU KITA PERLU MENGGEMBELENG SEGALA KEKUATAN DAN TENAGA SERTA USAHA YANG TIDAK MENGENAL ERTI KEGAGALAN, KEKECEWAAN SERTA PUTUS ASA SEBAGAI SYARAT UNTUK MENCAPAI KEINGINAN YANG TINGGIINI. SAYA YAKIN DAN PERCAYA KITA AKAN DAPAT MENCAPAINYA.

KATA-KATA ALBERT EINSTINE SEORANG TOKOH AKADEMIK BERBUNYI, "ANYONE WHO HAS NEVER MADE A MISTAKE HAS NEVER TRIED ANYTHING NEW" SEHARUSNYA MENJADI PANDUAN KEPADA KITA UNTUK TERUS BERUSAHA. KITA TIDAK HARUS TAKUT DENGAN KEGAGALAN ATAU KESILAPAN KERANA IANYA BAKAL MENDIDIK, MEMATANG DAN MENDEWASAKAN KITA DALAM TINDAK-TANDUK KITA UNTUK MENUJU KECEMERLANGAN SAMA ADA

DALAM KECEMERLANGAN AKADEMIK, SAHSIAH MAHUPUN KEHIDUPAN DI DUNIAWIINI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

KITA PERLU MEMPUNYAI SATU PERANCANGAN YANG STRATEGIK DAN BERKESAN UNTUK MEMBANTU PELAJAR-PELAJAR KITA MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH TINGGI. KEGAGALAN PARA PELAJAR DALAM BIDANG AKADEMIK PERLU DIELAKKAN KERANA IANYA MERUPAKAN SUATU BENTUK KEKECEWAAN YANG MENGUNDANG KEPADA MASA HADAPAN YANG GELAP KEPADA MEREKA DAN MEMUSNAHKAN HARAPAN KELUARGA.

PADA SEMESTER 1 SESI 2005/2006 YANG LALU STATISTIK MENUNJUKKAN SERAMAI 126 ORANG PELAJAR MENDAPAT KEPUTUSAN KS, SERAMAI 43

ORANG MENDAPAT KG DAN SELEBIHNYA SERAMAI 4560 ORANG MENDAPAT KB. PERSEPSI KEGAGALAN PERLU DIKIKIS SEBAGAIMANA KATA YANG DIUNGKAPKAN OLEH AHLI PSIKOLOGIS WILLIAM DURANT YANG MENYATAKAN “*FORGET PAST MISTAKES. FORGET FAILURES. FORGET EVERYTHING EXCEPT WHAT YOU'RE GOING TO IT*”.

KEJAYAAN SESEORANG PELAJAR DALAM BIDANG AKADEMIK AKAN MENJADI TIKET UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN. PELUANG PEKERJAAN SEMAKIN KECIL JIKA HENDAK DIBANDINGKAN DENGAN JUMLAH GRADUAN YANG DIKELUARKAN OLEH IPTA DAN IPTS DI SELURUH NEGARA. UNTUK ITU GRADUAN-GRADUAN PERLU BERSAING UNTUK MENDAPATKAN PEKERJAAN NANTI. OLEH YANG DEMIKIAN MENJADI TANGGUNGJAWAB PELAJAR UNTUK BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN PIHAK UNIVERSITI AKAN MEMBERI MUTU PENDIDIKAN YANG TERBAIK KEPADA PELAJAR

SEBAGAI BEKALAN UNTUK BERSAING MENDAPAT PEKERJAAN APABILA TAMAT PENGAJIAN.

PENGUASAAN TERHADAP BAHASA INGGERIS AMAT PENTING DALAM MENGEJAR ILMU PADA MASA KINI.INI KERANA KEBANYAKKAN BUKU DITULIS DAN DITERJEMAHKAN DALAM BAHASA INGGERIS. PENGANTARABANGSAAN UNIVERSITI HANYA AKAN DAPAT DICAPAI APABILA KITA MENGUASAI BAHASA INGGERIS SEPENUHNYA. BEGITU JUGA DALAM USAHA KITA BERSAING UNTUK MENDAPAT PEKERJAAN, BAHASA INGGERIS AKAN MENJADI PENTING KERANA KEBANYAKKAN URUSAN SAMA ADA DALAM SEKTOR KERAJAAN MAUPUN SWASTA AKAN MEMERLUKAN KITA BERURUSAN DI DALAM BAHASA INGGERIS. DI SAMPING ITU JUGA PARA PELAJAR DIGALAKKAN MENGUASAI BAHASA-BAHASA ASING LAIN SEPERTI BAHASA MANDARIN, PERANCIS, JEPUN DAN LAIN-LAIN SEBAGAI NILAI

TAMBAH UNTUK BERSAING MENDAPATKAN PEKERJAAN.

PENGALAMAN UNTUK SAMA-SAMA MEMBINA KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

DALAM DUNIA AKADEMIK YANG SEMAKIN KOMPLEKS KINI, PARA PENSYARAH SEHARUSNYA TIDAK SAHAJA BERTINDAK SEBAGAI PENYAMPAI ILMU SEMATA-MATA TETAPI PERLULAH MENJADI PEMUDAHCARA KEPADA PELAJAR. KETERBUKAAN DUNIA AKADEMIK SEKARANG MEMERLUKAN PENSYARAH DAN PELAJAR BERTINDAK SECARA DUA HALA DENGAN MEMBERIKAN MAKLUMBALAS UNTUK MENDAPATKAN IMPAK YANG BAIK DALAM PEMBELAJARAN. PARA PENSYARAH PERLU BERTINDAK SEBAGAI "MENTOR" DAN "MENTEE" KEPADA PELAJAR DI SAMPING DAPAT MEMAHAMI KEHENDAK DAN KEPERLUAN PEMBELAJARAN. DALAM KONTEKS DUNIA AKADEMIK KINI MEREKA PERLU BERKONGSI PENGETAHUAN DAN

BAGI MEMASTIKAN PARA PELAJAR MENDAPAT PEKERJAAN APABILA TAMAT PENGAJIAN, PIHK UNIVERSITI TELAH BERUSAHA MENUBUHKAN UNIT ALUMNI. UNIT INI BERPERANAN UNTUK MENGUMPUL MAKLUMAT DAN MEMANTAU PERKEMBANGAN GRADUAN – GRADUAN KUTKM. PELBAGAI AKTIVITI BOLEH DIANJURKAN OLEH UNIT INI SEPERTI PENGANJURAN HARI KERJAYA DENGAN MENGUMPUL SYARIKAT-SYARIKAT DAN AGENSI PEKERJAAN DALAM USAHA MEMBANTU PARA PELAJAR YANG BERADA PADA SEMESTER AKHIR DAN JUGA YANG TELAH TAMAT PENGAJIAN.

DI SAMPING ITU PIHAK UNIVERSITI JUGA TELAH MENCADANGKAN SUPAYA MATA PELAJARAN KEUSAHAWANAN DIMASUKKAN SEBAGAI SALAH SATU MATA PELAJARAN DI DALAM PENGAJIAN DI KUTKM. IANYA SUPAYA MATA PELAJARAN KEUSAHAWANAN YANG DIAMBIL DI UNIVERSITIINI DAPAT MEMBERI ASAS KEPADA MAHASISWA/I UNTUK MEMPERSIAPKAN DIRI JIKA BERMINAT UNTUK MEMULAKAN PERNIAGAAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN NANTI. DUNIA PERNIAGAAN MENJANJIKAN SUMBER REZEKI YANG BESAR DAN MERUPAKAN 9/10 DARIPADA SUMBER REZEKI YANG ADA SERTA DIGALAKKAN KEPADA UMAT ISLAM.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

ADALAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN ADANYA SATU PERANCANGAN YANG LEBIH TELITI DAN DISUSULI DENGAN TINDAKAN YANG TERSUSUN

SERTA PEMANTAUAN YANG BERTERUSAN DARI PIHAK UNIVERSITI TERUTAMANYA DARI KALANGAN AHLI AKADEMIK AGAR MATLAMAT MELAHIRKAN PELAJAR YANG LEBIH CEMERLANG SAMA ADA DI PERINGKAT DIPLOMA, IJAZAH DAN PASCA SISWAZAH DAPAT DIREALISASIKAN. IANYA MEMERLUKAN KOMITMEN TINGGI DARI SEMUA PIHAK TERMASUK BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR.

USAHA HEP YANG TELAH MULA MELAKSANAKAN PROGRAM “SMART LEARNING” DAN “ SMART CLASS” ATAU KELAS TUISYEN DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN SEMENJAK TAHUN 2004, 2005 DAN DITERUSKAN PADA TAHUNINI MERUPAKAN SATU USAHA MURNI BAGI MELAHIRKAN PELAJAR YANG CEMERLANG DALAM BIDANG AKADEMIK. BEGITU JUGA BEBERAPA PROGRAM LAIN BERBENTUK SOFT SKILL SEPERTI KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI, PENGUCAPAN UMUM, JATI DIRI DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN YANG SEDANG DAN TELAH DIATUR

OLEH PIHAK HEP AKAN DAPAT MELAHIRKAN PELAJAR YANG CEMERLANG TIDAK SAHAJA DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA PERIBADINYA..

PEMBENTUKKAN DIRI PELAJAR YANG SEIMBANG SERTA HOLISTIK DARI SEGI AKADEMIK DAN PERIBADI PERLU DITITIKBERATKAN SEMASA MEREKA MASIH MENUNTUT DI UNIVERSITI LAGI. PENEKANAN KEPADA ASPEK PEMBENTUKAN PERSONALITI UNGGUL ATAU "TOWERING PERSONALITY" DAPAT MEMBENTUK JATI DIRI MAHASISWA/I YANG BERKALIBAR, BERWIBAWA, DIHORMATI DAN DISEGANI OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT. KITA BERHASRAT UNTUK MELAHIRKAN MAHASISWA/I YANG TIDAK SAHAJA INTELEKTUAL TETAPI JUGA BERDAYA SAING DAN MEMILIKI KUALITI KEPEMIMPINAN YANG BERANI UNTUK MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

KUTKM PERLU MELAHIRKAN PARA PELAJAR YANG TERSOHOR SEPERTI ALBERT ENSTINE, EDWARD DE BONO, IBN SINA, AR-RAZI, AL-GHAZALI, IBN KHULDUM DAN AL-KHAWARIZMI. MEREKA MERUPAKAN TOKOH-TOKOH YANG CEMERLANG DAN SENTIASA MENDAPAT PERHATIAN DAN RUJUKAN DUNIA BERKAITAN SESUATI BIDANG. DALAM BIDANG TEKNOLOGI DAN PENCIPTAAN NAMA SEPERTI BILL GATES PERLU MENJADI INSPIRASI.

BUKAN ITU SAHAJA PELAJAR KUTKM PERLU MENJADI PEMIMPIN YANG UNGGUL YANG TIDAK SAHAJA DI KENALI DI MALAYSIA TETAPI JUGA DUNIA SUATU HARI NANTI. JUSTERU, KITA TIDAK SAHAJA AKAN MEMBERI FOKUS KEPADA KECEMERLANGAN AKADEMIK SEMATA-MATA TETAPI JUGA SAHSIAH, EMOSI, JATI DIRI DAN KEPIMPINAN BAGI MELAHIRKAN GRADUAN-GRADUAN YANG BERKUALITI DAN BERTARAF

DUNIA. MEMBANGUN DAN MEMBENTUK SAHSIAH DAN JATI DIRI INI BUKAN SAHAJA MENJADI TANGGUNGJAWAB FAKULTI-FAKULTI, PENSYARAH DAN KAKITANGAN UNIVERSITI TETAPI JUGA PERLU TERBIT DARI KEINGINAN PARA PELAJAR ITU SENDIRI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

ANJAKAN PARADIGMA DALAM ASPEK FIZIKAL, MENTAL DAN EMOSI ADALAH PENTING BAGI MELAHIRKAN PELAJAR YANG CEMERLANG. KUTKM TELAH BERUSAHA SEDAYA UPAYA BAGI MENYEDIAKAN SUASANA PEMBELAJARAN YANG KONDUSIF. KUTKM TELAH MENGAMBIL LANGKAH UNTUK BERPINDAH DARI RUMAH KEDAI KE KAMPUS INDUSTRI DI CUBIC DAN DI KAMPUS INDUK DURIAN TUNGGAL UNTUK MEMBERI KESELESAAN KEPADA PARA PELAJAR. WALAUPUN KEADAAN SEKARANG MASIH TERDAPAT KEKURANGANNYA

TETAPI IANYA AKAN LEBIH BAIK APABILA KAMPUS TETAP SIAP SEPENUHNYA.

WALAUPUN BEGITU PERUBAHAN DAN PENGHIJRAHAN DALAM ASPEK MINDA, SIKAP DAN PERSEPSI JUGA PERLU DIBERI PERHATIAN. UNTUK ITU PIHAK UNIVERSITI SENTIASA MENGGALAKKAN AKTIVITI PERTUBUHAN SAMA ADA PERTUBUHAN AKADEMIK, SOSIAL, BUDAYA DAN SEBAGAINYA. PELAJAR-PELAJAR YANG MEMPUNYAI PENCAPAIAN YANG TINGGI DALAM BIDANG AKADEMIK DISERU AGAR MELIBATKAN DIRI DALAM PROGRAM YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN DAN PIHAK HEP.

SELAIN PADA ITU MAHASISWA/I JUGA DIDEWAHKAN DENGAN PERKARA-PERKARA BERKAITAN KEPIMPINAN. PILIHAN RAYA KAMPUS DIADAKAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA PARA PELAJAR MELANTIK PEMIMPIN DARI KALANGAN MEREKA. PARA PELAJAR YANG

BERJAYA DALAM PILIHANRAYAINI DILANTIK MENJADI EXCO MEWAKILI PARA PELAJAR DENGAN MEMBENTUK MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR. MEREKA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENYAMPAIKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT MAHASISWA/I SERTA MENJADI WAKIL KEPADA MAHASISWA/I SERTA MEJADI WAKIL KEPADA MAHASISWA/I UNTUK MEMBINCANGKAN ISU-ISU UNIVERSITI.

PENDEDAHAN KEPADA ELEMEN-ELEMEN KEPIMPINAN ADALAH SANGAT PENTING KEPADA MAHASISWA/I. IANYA BERTUJUAN UNTUK MEMBENTUK SIKAP BERTOLERANSI DI SAMPING MEMUPUK PERPADUAN DARI KALANGAN PELAJAR PELBAGAI BANGSA DAN AGAMA. UNIVERSITI BUKANLAH SATU INSTITUSI YANG HANYA MELAHIRKAN MAHASISWA/I YANG CEMERLANG DARI SUDUT AKADEMIKNYA TETAPI JUGA MATANG DARI SEGI PEMIKIRANNYA UNTUK MEMBENTUK

MASYARAKAT MALAYSIA YANG MAJU, MAKMUR, HARMONI, CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

MAHASISWA/I HARI INI MERUPAKAN HARAPAN KEPADA NEGARA. MEREKA AKAN MEWARISI KEPIIMPINAN NEGARA DAN TUNJANG KEPADA KEMAKMURAN NEGARA. JUSTERU ITU MEREKA PERLU DIPERLENGKAPKAN DENGAN KEKUATAN FIZIKAL DAN SPIRITAL BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BENAR-BENAR BERKEUPAYAAN UNTUK MEMIMPIN NEGARA. UNTUK ITU SAUDARA/I MEMERLUKAN PENGETAHUAN YANG LUAS DALAM BIDANG AKADEMIK DI SAMPING PENGALAMAN BERAKTIVITI SEBAGAI ASAS MEMBENTUK PEMIMPIN YANG BERKUALITI. AMBILAH KESEMPATAN SEMASA MENUNTUT DI UNIVERSITIINI UNTUK MEMPERLENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU DAN PENGALAMAN SUPAYA IANYA BERGUNA

PADA MASA AKAN DATANG DAN DAPAT MENYUMBANG BAKTI KEPADA NEGARA.

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA ANGGOTA MASYARAKAT YANG BERPENDIDIKAN TINGGI SEHARUSNYA KITA MEMPUNYAI KEMAHIRAN UNTUK MENJALINKAN HUBUNGAN YANG BAIK DENGAN AHLI MASYARAKAT. PELAJAR UNIVERSITI YANG DIANGGAP SEBAGAI "ROLE MODEL" KEPADA MASYARAKAT HARUS MEMPAMERKAN PERSONALITY INTELEKTUAL, BERKETRAMPILAN, MATANG, BIJAKSANA, BERAKHLAK MULIA DAN PEMIMPIN YANG BOLEH DICONTOHI.

PROGRAM-PROGRAM BAKTI MASYARAKAT YANG DIADAKAN DI LUAR KAMPUS SEPERTI PROGRAM

BAKTI MASYARAKAT DI TERENGGANU DAN YANG AKAN DIANJURKAN DI NEGERI SEMBILAN NANTI DIHARAPKAN DAPAT MEMBERI GAMBARAN YANG BAIK DI KALANGAN MASYARAKAT SETEMPAT KEPADA KUTKM. APA JUGA USAHA YANG TELAH DIJALANKAN OLEH PIHAK HEP MAUPUN PIHAK FAKULTI ADALAH AMAT DIALU-ALUKAN SEBAGAI AKTIVITI SUMBANG BAKTI ANTARA PIHAK UNIVERSITI DENGAN MASYARAKAT.

SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

PIHAK UNIVERSITI MENGHARAPKAN PENCAPAIAN CEMERLANG YANG TELAH DICAPAI OLEH MAHASISWA/I KUTKM BOLEH DIPERTINGKATKAN LAGI DI MASA-MASA YANG AKAN DATANG. PIHAK UNIVERSITI AKAN SENTIASA MEMBANTU MAHASISWA/I UNTUK MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM AKADEMIK MEREKA. BERKAT KERJASAMA

ANTARA MAHASISWA/I DENGAN PIHAK UNIVERSITI  
AKAN MEMBOLEHKAN GRADUAN-GRADUAN KUTKM  
MENJADI PILIHAN PARA INDUSTRI.

AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI MERAKAMKAN  
SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PARA PELAJAR  
YANG TELAH BERJAYA MENERIMA ANUGERAH  
DEKAN PDA SESI 2005 / 2006 INI. SEMOGA  
KEJAYAAN YANG DICAPAIINI AKAN MENGUKIR  
KECEMERLANGAN YANG LEBIH BERMAKNA PADA  
MASA AKAN DATANG DEMI AGAMA, BANGSA DAN  
NEGARA.

SEKIAN. TERIMA KASIH.